

KPDNHEP periksa kedai jual barang sekolah

IPOH - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak akan mengadakan pemeriksaan melibatkan semua premis yang menjual seragam sekolah bagi menangani manipulasi harga.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Perak, V Ravichandran berkata, pemeriksaan itu dijalankan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi

Yang Tidak Munasabah) 2018 dilakukan bermula kelmarin sehingga 3 Januari depan.

Menurutnya, operasi tersebut adalah untuk memastikan para peniaga tidak mengambil kesempatan menaikkan harga dan mencatat barangan kelengkapan sekolah.

"Maklumat harga barangan yang sama akan diperoleh secara harian. Notis bertulis di bawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 turut diserahkan kepada peniaga yang dikenalpasti menaikkan harga.

"Bagaimanapun setakat pemeriksaan melibatkan 200 premis mendapati tiada kenaikan harga pakaian sekolah dan kita juga tidak menerima sebarang aduan mengenai perkara ini," katanya kepada pemberita selepas menjalankan pemeriksaan di Pasaraya Mydin di sini semalam.

Ravichandran berkata, tindakan tegas akan diambil kepada peniaga yang mengeksploitasikan keadaan untuk mengaut keuntungan.



Ravichandran memeriksa barangan sekolah yang dijual di pasaraya Mydin, Meru Raya semalam.